

TARIKH	28/MEI/ 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	18	RUANGAN	NEGERA .

TH keluar zakat 2011 RM3.29 juta untuk Kedah

ALOR SETAR - Lembaga Tabung Haji (TH) mengeluarkan zakat perniagaan sebanyak RM3.29 juta bagi tahun 2011 kepada Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah di sini semalam.

Penyerahan zakat itu disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom (**gambar**) kepada Yang di-Perutusan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah di Istana Anak Bukit di sini.



Jamil Khir berkata, pengeluaran zakat oleh TH meningkat pada tahun ini berbanding RM3.1 juta pada tahun lalu.

"Pembayaran zakat ini merupakan komitmen TH Pusat untuk negeri ini dan merupakan acara tahunan TH bagi membantu kalangan yang memerlukan seperti fakir miskin," katanya kepada pemberita selepas majlis tersebut.